



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN**

UHMS1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI

NAMA: HUDA NAJIHAH BINTI AHMAD ASRI

NO. MATRIK: A20EC0045

DISERAHKAN KEPADA:

DR. ANA HAZIQAH A RASHID

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	/20
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/5
TOTAL	/30

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI


Di dalam penulisan ini, pelajar haruslah mempamerkan keaslian penulisan dengan menghuraikan refleksi mereka hasil daripada pembelajaran bagi subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’.

Pelajar perlu menjelaskan serta membincangkan refleksi mereka daripada aspek berikut:

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)
- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**
- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?
- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**
- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**
- vi. Apakah **perasaan anda** setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini? (**Sebagai kesimpulan diakhir refleksi**)

REFLEKSI BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran** yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Daripada bab ini, saya mempelajari bahawa kita mestilah sentiasa mempunyai tingkah laku yang baik. Hal ini demikian, setiap apa yang kita lakukan berdasarkan etika yang baik, mampu memberi faedah kepada semua orang termasuk diri sendiri.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Subjek ini membantu saya dalam memberi informasi tentang-tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama dengan memberikan asas dan latar belakang tentang bagaimana etika difahami oleh pelbagai peradaban, dan bagaimana ia menjadi fahaman yang digunakan sehingga sekarang untuk menyelesaikan permasalahan.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Kata orang, tidak kenal maka tidak cinta. Bab ini memberi saya asas dan kefahaman awal tentang apa itu etika, lantas membantu saya untuk memahami etika dengan lebih mendalam. Saya juga sedar betapa pentingnya etika di dalam setiap peradaban.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Bab ini memberi kesan kepada saya dari sudut intelektual serta psikologi melalui pendapat setiap peradaban tentang pemikiran manusia, menyebabkan saya berasa perlu untuk sentiasa berfikir agar dapat melakukan yang terbaik dalam setiap apa yang saya lakukan.

REFLEKSI BAB 2: TEORI ETIKA

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran** yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Melalui bab ini, saya mendapati bahawa saya perlu sentiasa berlaku adil, sepetimana Teori Keadilan John Rawls yang menekankan untuk tidak meminggirkan kepentingan masyarakat demi kepentingan segelintir pihak. Maka, saya juga perlu adil dalam kehidupan supaya setiap orang mendapat kebaikan daripadanya.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Subjek ini membantu saya dalam memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama dengan memberikan saya kefahaman tentang teori etika dan perbezaannya. Maka, apabila saya membaca berita atau cerita mengenai isu-isu etika, saya boleh memahami dan cuba mengaitkan situasi tersebut dengan teori-teori etika yang saya pelajari.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat**?

Subjek ini membantu saya menjadi warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat melalui penekanan terhadap teori-teori etika yang mementingkan kesan kebahagiaan kepada semua orang, bukan sahaja kepada diri sendiri.


- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi**?

Bab ini memberi kesan kepada diri saya dari sudut intelektual serta psikologi dengan memberi kesedaran kepada saya untuk tidak hanya mementingkan diri sendiri sahaja seperti mana di dalam aliran ‘utilitarianisme’, serta untuk memahami kepentingan janji seperti di dalam teori Deontologi.

REFLEKSI BAB 3: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN

TAMADUN: ISLAM DAN MELAYU

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran** yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Melalui bab ini, saya pelajari bahawa saya perlu amanah dalam setiap perkara. Hal ini bukan sahaja berkaitan pekerjaan saya, malah kepada diri saya sendiri juga. Maka, saya akan dapat melakukan yang terbaik bukan sahaja untuk diri saya, bahkan semua orang di sekeliling saya.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Bab ini membantu saya dalam memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama melalui pengetahuan tentang bagaimana pelbagai sumber etika dapat memberi impak kepada peradaban Melayu.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat**?

Subjek ini membantu saya menjadi warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat dengan memberi saya kefahaman tentang peradaban Melayu yang amat mementingkan budi basa yang halus dan tingkah laku serta tutur kata yang sopan. Makanya, saya dapat menghayatinya dan mempraktikkannya dalam kehidupan.


- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi**?

Dari sudut intelektual serta psikologi, saya mendapati bahawa amat penting untuk saya menghayati dan memahami Al-Quran dan As-Sunnah kerana kedua-dua sumber itu, merupakan dasar etika yang mampu membuatkan saya mempunyai pemikiran yang baik.

REFLEKSI BAB 4: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN

TAMADUN: CHINA, INDIA DAN BARAT

- Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran** yang anda pelajari daripada

setiap bab dalam subjek ini?

Melalui bab ini, saya pelajari tentang toleransi. Hal ini demikian, banyak pendapat tentang etika dan cara hidup menurut pelbagai peradaban. Lantas, saya perlu memahami dan menghormati perbezaan tersebut.

- iii. Bagaimakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Bab ini membantu saya dalam memberi informasi tentang isu-isu etika daripada pelbagai perspektif budaya dan agama melalui pengenalan terhadap kitab-kitab rujukan pelbagai agama dan bagaimana ia diamalkan di dalam kehidupan setiap penganutnya.

- iv. Bagaimakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Bab ini membantu saya menjadi warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam masyarakat melalui pelbagai nilai etika daripada kaum dan peradaban lain. Hal ini demikian, saya dapat memahami tentang kaum lain dan menghormati perbezaan, lebih-lebih lagi di Malaysia yang menjadi rumah pelbagai kaum dan agama.

- v. Bagaimakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Dari sudut intelektual serta psikologi, saya dapat banyak ilmu baharu mengenai tamadun lain dan bagaimana ia mempengaruhi budaya dan kehidupan kaum lain sehingga sekarang.

REFLEKSI BAB 5: PEMANTAPAN KESEPADUAN NASIONAL MELALUI ETIKA DAN PERADABAN

i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Saya pelajari tentang bersatu-padu melalui bab ini. Hal ini demikian, dengan bersatu-padu, dalam melahirkan sebuah negara yang maju serta dapat mengelakkan rusuhan seperti tragedi 13 Mei.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Sebagai contoh melalui konflik politik yang menghalang kesepaduan nasional, saya dapat melihat perspektif pelbagai pihak ketika berlakunya perkara tersebut. Hal ini demikian, kancah politik seringkali menggunakan masalah perkauman sebagai bahan untuk melawan pihak lain menyebabkan rakyat menjadi mangsa.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat**?


Saya dapat memahami dan menghormati pelbagai nilai yang wujud dalam kalangan masyarakat di Malaysia, selain dapat berusaha untuk mengenepikan perbezaan kaum untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya.

- v. Bagaimakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Dari sudut intelektual serta psikologi, saya dapat melihat bagaimana pelbagai perkara mempengaruhi masyarakat sekarang. Selain itu, saya juga memperolehi cara untuk mengatasinya agar dapat memantapkan kesepaduan sosial di Malaysia.

REFLEKSI BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Saya pelajari tentang semangat patriotik melalui bab ini. Hal ini demikian, saya dapat mengetahui tentang bagaimana perlembagaan Malaysia dapat dibentuk setelah berkali-kali penentangan dan mesyuarat untuk mendapatkan yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Saya dapat memahami mengapa terdapat penentangan ketika adanya Malayan Union dan sebagainya. Hal ini demikian, orang Melayu mahu keistimewaan mereka terjamin, manakala kaum lain mahu kewarganegaraan. Namun, mereka dapat mencapai kata putus akhirnya.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat**?


Saya dapat mengetahui tentang perlembagaan Malaysia dan bahagiannya, selain hubungan Persekutuan dan Negeri, menyebabkan saya dapat memahami kepentingannya di Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Dari sudut intelektual serta psikologi, saya mendapati kepentingan mempelajari sejarah perlembagaan Malaysia dan isi kandungannya untuk menjadi warganegara yang sejati. Hal ini demikian, dengan memahaminya, saya akan dapat menghayatinya dengan baik.

REFLEKSI BAB 7: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KONTEKS BUDAYA DAN KOMUNIKASI KONTEMPORARI

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Melalui bab ini, saya mempelajari tentang cara menggunakan medium komunikasi terutamanya media elektronik secara bertanggungjawab.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Sebagai contoh budaya hendonisme merupakan budaya luar yang makin menjadi-jadi di negara kita. Pelbagai budaya dan agama menolak budaya tersebut.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat**?


Bab ini membantu saya menjadi warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat dengan pengetahuan tentang menyalurkan idea atau masalah melalui platformnya, untuk mengelakkan daripada berlakunya kes viral yang boleh mencacat celakan nama baik mana-mana pihak.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi**?

Jika dilihat dari segi intelektual serta psikologi, bab ini mengajar saya tentang bahaya budaya hendonisme dan bagaimana penggunaan media massa yang berlebihan boleh merosakkan pemikiran, tetapi jika diambil perkara yang baik, maka akan dapat memajukan diri.

REFLEKSI BAB 8: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran** yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Saya pelajari pentingnya menjalankan tanggungjawab saya sama ada kepada diri sendiri, masyarakat dan alam sekitar. Hal ini demikian, sebagai seorang ahli masyarakat, saya dicipta sebagai khalifah yang perlu menjaga kemakmuran alam.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Saya dapat memahami bagaimana manusia mula sedar tentang tanggungjawab mereka seperitimana ketika revolusi industri di Barat dan bagaimana perkara sebegini memberi kelebihan dan kekurangan kepada semua pihak.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat**?


Saya dapat mengetahui tanggungjawab saya dari pelbagai perspektif, dan kepentingan interaksi dan kerjasama antara masyarakat untuk mewujudkan negara yang harmoni.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi**?

Dari sudut intelektual serta psikologi, saya dapat mengetahui perkara yang patut saya lakukan dan elakkan demi menjaga kemandirian semua pihak selain menjamin masyarakat yang sihat dari segi fizikal dan psikologi.

REFLEKSI BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran** yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Kepentingan menolak sistem politik yang kotor seperti kronisme dan politik wang agar dapat menjadikan negara maju dan setiap rakyat tidak tercicir.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Pelbagai cabaran mewujudkan masyarakat dan negara lestari telah ditunjukkan di dalam bab ini. Hal ini demikian, membuatkan saya mengetahui bagaimana perkara itu terjadi serta cuba untuk mengatasinya.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat**?

Bab ini menyedarkan saya tentang kepentingan mengamalkan dan menghayati Rukun Negara, agar dapat memastikan saya dapat menjadi warganegara yang bertamadun dan berintegriti.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi**?

Dari sudut intelektual serta psikologi, bab ini menekankan tentang kepentingan memiliki minda kelas pertama, kerana walaupun kita memiliki infrastruktur kelas pertama, tapi dengan mentaliti kelas ketiga, negara tidak akan menjadi maju.

REFLEKSI KESELURUHAN: PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Apakah perasaan anda setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini? (Sebagai kesimpulan diakhir refleksi) (**Sekurang-kurangnya 1 perenggan dan tidak melebihi 1 muka surat**)

Subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini banyak memberi pengetahuan baru kepada saya. Hal ini demikian, di dalam setiap video pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah saya, Dr. Ana Haziqah, diterangkan dengan baik dan teliti. Selain itu, banyak juga informasi yang diselitkan oleh Dr. Ana di dalam video pembelajaran terbabit. Walaupun kelas kami kebanyakannya dilakukan secara asinkroni, tetapi Dr. Ana selalu memberikan tempoh masa kepada kami untuk memastikan kami mengikut kelas beliau.

Selain itu, hampir setiap kelas mempunyai aktiviti selingan atau di akhir kelas, menyebabkan saya dapat mengingati semula apa yang telah dipelajari. Saya berasa amat seronok apabila menjawab kuiz dan aktiviti mencari informasi. Apabila Dr. Ana menyediakan aktiviti seperti forum, saya berasa kagum dengan jawapan dan pendapat yang dikongsikan oleh rakan-rakan saya. Aktiviti tersebut membuatkan saya sedar sekali lagi bagaimana setiap manusia mempunyai cara tersendiri untuk memahami sesuatu.

Setelah mempelajari kesemua sembilan bab untuk subjek ini, saya berasa banyak perkara yang masih saya tidak tahu. Ada sesetengah yang saya ketahui sebelum ini, tetapi apabila belajar di dalam kelas, saya sedar pengetahuan saya itu hanyalah sedikit. Kadang-kala, ada pengetahuan yang saya pada awalnya saya mempunyai kefahaman yang salah tentangnya. Lantas, inilah kepentingan belajar bersama guru. Sehubungan dengan itu, ada bab yang membuatkan saya berasa patriotik dan bangga menjadi anak Malaysia. Selain itu, ada juga bab yang membuatkan saya berasa kagum disebabkan kemampuan tokoh-tokoh tamadun untuk berfikir sehingga dapat mengeluarkan pendapat mereka.

Tuntasnya, jelaslah bahawa subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini memberi banyak ilmu dan pengajaran baru kepada saya. Saya berharap saya mampu menghayati dan mengamalkan setiap yang telah dipelajari untuk menjadikan saya seorang yang lebih beretika lantas dapat menyumbang kepada negara.